



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 14

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

Mei 2014

MPSAS 14 - PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) adalah berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) 14, *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan* daripada *Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa* Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, yang diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Buku Panduan Penyataan Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa © 2013 oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Disediakan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000
Faks : 03-88891765
Web : <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 14 - PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif.....	1
Skop.....	2-4
Takrif	5
Membenarkan Penyata Kewangan untuk Diterbitkan.....	6-8
Pengiktirafan dan Pengukuran.....	9-16
Peristiwa Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan	10-11
Peristiwa Tak Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan	12-13
Dividen atau Agihan yang Serupa	14-16
Usaha Berterusan.....	17-25
Penyusunan Semula	25
Pendedahan.....	26-31
Pendedahan Tarikh Kebenaran untuk Diterbitkan.....	26-27
Mengemas kini Pendedahan tentang Keadaan pada Tarikh Pelaporan	28-29
Pendedahan Peristiwa Tak Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan	30-31
Tarikh Kuat Kuasa	32-33
Perbandingan dengan IPSAS 14	

MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 14, *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan*, dinyatakan dalam perenggan 1-34. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 14 seharusnya dibaca dalam konteks objektifnya dan *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan*, menyediakan asas untuk memilih dan mengguna pakai dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan:
 - (a) Bila entiti harus melaraskan penyata kewangannya bagi peristiwa selepas tarikh pelaporan; dan
 - (b) Pendedahan yang harus diberikan oleh entiti tentang tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan dan peristiwa selepas tarikh pelaporan.

Piawaian ini juga menghendaki supaya entiti tidak menyediakan penyata kewangannya atas dasar usaha berterusan jika peristiwa selepas tarikh pelaporan menunjukkan bahawa andaian usaha berterusan adalah tidak wajar.

Skop

2. **Sesebuah entiti yang menyediakan dan membentangkan penyata kewangan mengikut asas perakaunan akruan hendaklah mengguna pakai Piawaian ini dalam perakaunan untuk, dan pendedahan, peristiwa selepas tarikh pelaporan.**
3. **Piawaian ini terpakai kepada semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (Government Business Enterprises, GBE).**
4. *Prakata kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menerangkan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan yang telah diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.*

Takrif

5. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

Peristiwa selepas tarikh pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Dua jenis peristiwa boleh dikenal pasti:

 - (a) Peristiwa yang membuktikan keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan (peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan); dan
 - (b) Peristiwa yang menunjukkan keadaan yang wujud selepas tarikh pelaporan (peristiwa pelarasan selepas tarikh pelaporan).

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan juga dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah Tertakrif* yang diterbitkan secara berasingan.

Membenarkan Penyata Kewangan untuk Diterbitkan

6. Bagi menentukan peristiwa yang menepati takrif peristiwa selepas tarikh pelaporan, adalah perlu untuk mengenal pasti tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Tarikh pelaporan ialah hari terakhir tempoh pelaporan penyata kewangan yang berkaitan. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan ialah tarikh penyata kewangan mendapat kelulusan daripada individu atau badan yang mempunyai kuasa untuk memuktamadkan penyata tersebut untuk diterbitkan. Pendapat audit diberikan ke atas penyata kewangan yang dimuktamadkan. Peristiwa selepas tarikh pelaporan adalah semua peristiwa yang memuaskan dan tidak memuaskan yang berlaku antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, walaupun peristiwa tersebut berlaku selepas perkara berikut dilaksanakan:
 - (a) penerbitan pengumuman tentang lebihan atau kekurangan,
 - (b) kebenaran telah diberikan bagi penyata kewangan entiti terkawal, atau
 - (c) penerbitan maklumat terpilih lain yang berkaitan dengan penyata kewangan.
7. Proses yang terlibat dalam menyediakan dan membenarkan penerbitan penyata kewangan mungkin berbeza bagi jenis entiti yang berbeza mengikut bidang kuasa. Ia mungkin bergantung pada sifat entiti, struktur badan pentadbir, keperluan berkanun yang berkaitan dengan entiti itu, serta prosedur yang diikuti dalam menyediakan dan memuktamadkan penyata kewangan. Tanggungjawab kebenaran penyata kewangan sesebuah agensi kerajaan terletak pada ketua agensi kewangan pusat (atau pegawai kewangan/pegawai perakaunan kanan, seperti pengawal atau akauntan negara). Tanggungjawab kebenaran penyata kewangan disatukan bagi kerajaan secara keseluruhannya mungkin dipikul bersama oleh ketua agensi kewangan pusat (atau pegawai kewangan kanan, seperti pengawal atau akauntan negara) dan menteri kewangan (atau yang setara dengannya).
8. Dalam sesetengah kes, sebagai langkah terakhir dalam proses kebenaran, sesebuah entiti dikehendaki mengemukakan penyata kewangannya kepada badan lain (contohnya, badan perundangan seperti Parlimen atau majlis tempatan). Badan ini mungkin mempunyai kuasa untuk menghendaki supaya perubahan dibuat pada penyata kewangan teraudit. Dalam kes lain, penyerahan penyata kepada badan yang satu lagi mungkin sekadar protokol atau proses, dan badan yang satu lagi mungkin tidak mempunyai kuasa untuk menghendaki supaya perubahan dibuat pada penyata tersebut. Tarikh kebenaran untuk diterbitkan penyata kewangan akan ditentukan dalam konteks bidang kuasa tertentu.

Pengiktirafan dan Pengukuran

9. Dalam tempoh antara tarikh pelaporan dan tarikh kebenaran untuk diterbitkan, pegawai bagi kerajaan yang dipilih mungkin mengumumkan hasrat kerajaan berhubung dengan perkara tertentu. Sama ada hasrat kerajaan yang diumumkan ini perlu diiktiraf atau tidak sebagai

peristiwa perlu pelarasan bergantung pada sama ada:

- (a) ia memberikan maklumat lanjut tentang keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan, dan
- (b) terdapat bukti yang mencukupi bahawa ia dapat dan akan dipenuhi.

Dalam kebanyakan kes, pengumuman hasrat kerajaan tidak akan membawa kepada pengiktirafan peristiwa perlu pelarasan. Sebaliknya, ia umumnya layak untuk pendedahan sebagai peristiwa tak perlu pelarasan.

Peristiwa Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan

- 10. **Sesebuah entiti hendaklah melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan.**
- 11. Berikut ialah contoh peristiwa perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan yang memerlukan sesebuah entiti melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya, atau mengiktiraf item yang tidak diiktiraf sebelum ini:
 - (a) Penyelesaian kes mahkamah selepas tarikh pelaporan yang mengesahkan bahawa entiti mempunyai obligasi kini pada tarikh pelaporan. Entiti melaraskan mana-mana peruntukan yang diiktiraf sebelum ini yang berkaitan dengan kes mahkamah ini menurut MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen*, atau mengiktiraf peruntukan baharu. Entiti tidak hanya mendedahkan liabiliti kontingen semata-mata kerana penyelesaian tersebut memberikan bukti tambahan yang akan dipertimbangkan menurut perenggan 24 dalam MPSAS 19.
 - (b) Penerimaan selepas tarikh pelaporan, maklumat yang menunjukkan bahawa aset terjejas pada tarikh pelaporan, atau amaun kerugian penjejasan bagi aset itu yang diiktiraf sebelum ini perlu dilaraskan. Sebagai contoh:
 - (i) Kebankrapan penghutang yang berlaku selepas tarikh pelaporan biasanya mengesahkan bahawa kerugian atas akaun belum terima telah pun wujud pada tarikh pelaporan, dan entiti perlu melaraskan amaun bawaan bagi akaun belum terima; dan
 - (ii) Jualan inventori selepas tarikh pelaporan boleh membuktikan tentang nilai realisasi bersih pada tarikh pelaporan;
 - (c) Penentuan selepas tarikh pelaporan bagi kos aset yang dibeli, atau hasil yang diperolehi daripada aset yang dijual sebelum tarikh pelaporan;
 - (d) Penentuan selepas tarikh pelaporan bagi amaun hasil yang dipungut semasa tempoh pelaporan yang akan dikongsi dengan kerajaan lain di bawah perjanjian perkongsian hasil yang wujud semasa tempoh pelaporan;

MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

- (e) Penentuan selepas tarikh pelaporan bagi bayaran bonus prestasi yang perlu dibuat kepada kakitangan jika entiti mempunyai kewajipan di sisi undang-undang atau kewajipan konstruktif pada tarikh pelaporan untuk membuat bayaran tersebut disebabkan oleh peristiwa yang berlaku sebelum tarikh itu; dan
- (f) Penemuan fraud atau kesilapan yang menunjukkan bahawa penyata kewangan adalah tidak betul.

Peristiwa Tak Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan

- 12. **Sesebuah entiti tidak boleh melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi menggambarkan peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan.**
- 13. Berikut ialah contoh peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan:
 - (a) Jika sesebuah entiti menerima pakai dasar menilai semula harta secara tetap berasaskan nilai saksama, kejatuhan nilai saksama harta antara tarikh pelaporan dan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan. Kejatuhan nilai saksama biasanya tidak berkait dengan keadaan harta pada tarikh pelaporan, tetapi menggambarkan keadaan yang wujud dalam tempoh berikutnya. Oleh itu, walaupun sesebuah entiti mengamalkan dasar menilai semula secara tetap, ia tidak akan melaraskan amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangannya bagi harta tersebut. Begitu juga, entiti tidak mengemas kini amaun yang didedahkan bagi harta tersebut setakat tarikh pelaporan, walaupun ia mungkin perlu memberikan pendedahan tambahan di bawah perenggan 29; dan
 - (b) Jika sesebuah entiti yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan program khidmat komuniti tertentu memutuskan selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan, untuk memberikan/mengagihkan manfaat tambahan secara langsung atau tidak langsung kepada peserta dalam program tersebut. Entiti tidak akan melaraskan perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata kewangannya dalam tempoh pelaporan semasa, walaupun manfaat tambahan tersebut mungkin memenuhi syarat untuk pendedahan sebagai peristiwa tak perlu pelarasan di bawah perenggan 29.

Dividen atau Agihan yang Serupa

- 14. **Jika sesebuah entiti mengisytiharkan dividen atau agihan yang serupa selepas tarikh pelaporan, entiti tidak boleh mengiktiraf agihan tersebut sebagai liabiliti pada tarikh pelaporan.**
- 15. Dividen mungkin timbul dalam sektor awam apabila, contohnya, sesebuah entiti sektor awam mengawal dan menggabungkan penyata kewangan GBE yang mempunyai kepentingan pemilikan luar yang dibayar dividen. Selain itu, sesetengah entiti sektor awam menerima pakai rangka kerja pengurusan kewangan, contohnya, model “pembeli pembekal”, yang memerlukan membayar agihan pendapatan kepada entiti yang mengawalnya, seperti

kerajaan pusat.

16. Jika dividen atau agihan yang serupa kepada pemilik diisytiharkan, (iaitu dividen atau agihan yang serupa telah diluluskan sewajarnya dan tidak lagi mengikut budi bicara entiti) selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, dividen atau agihan yang serupa tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh pelaporan kerana tiada obligasi yang wujud pada masa itu. Dividen tersebut atau agihan yang serupa didedahkan dalam nota menurut MPSAS 1. Dividen dan agihan yang serupa tidak termasuk pulangan modal.

Usaha Berterusan

17. Penentuan sama ada andaian usaha berterusan adalah wajar perlu dipertimbangkan oleh setiap entiti. Walau bagaimanapun, penilaian usaha berterusan mungkin lebih relevan bagi entiti individu berbanding kerajaan secara keseluruhan. Sebagai contoh, sebuah agensi kerajaan mungkin bukan merupakan usaha berterusan kerana kerajaan telah memutuskan untuk memindahkan semua aktivitinya kepada agensi kerajaan yang lain. Namun begitu, penyusunan semula ini tidak memberikan impak terhadap penilaian usaha berterusan bagi kerajaan secara keseluruhan .
18. **Sesebuah entiti tidak boleh menyediakan penyata kewangannya atas asas usaha berterusan jika mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan atau badan pentadbir menentukan selepas tarikh pelaporan, sama ada:**
 - (a) **terdapat hasrat untuk mencairkan entiti atau menghentikan operasi, atau**
 - (b) **tiada alternatif yang realistik selain berbuat demikian.**
19. Dalam menilai sama ada andaian usaha berterusan adalah wajar bagi sebuah entiti individu, mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan, dan/atau badan pentadbir, perlu mengambil kira pelbagai faktor. Faktor itu termasuk prestasi semasa entiti dan prestasi entiti yang dijangka; apa-apa penyusunan semula unit organisasi yang telah diumumkan dan berpotensi untuk dilaksanakan; serta pembiayaan kerajaan yang berterusan dan, jika perlu, sumber yang berpotensi bagi pembiayaan lain sebagai ganti.
20. Dalam kes entiti yang operasinya dibiayai dengan bajet yang besar, isu usaha berterusan umumnya hanya timbul jika kerajaan mengumumkan hasratnya untuk berhenti membiayai entiti tersebut.
21. Seseengah agensi, walaupun bukan GBE, mungkin dibiayai sendiri sepenuhnya atau sebahagian besarnya, dan perlu mendapatkan semula kos barangan dan perkhidmatan daripada pengguna. Bagi mana-mana entiti tersebut, kemerosotan hasil operasi dan kedudukan kewangan selepas tarikh pelaporan mungkin menunjukkan keperluan untuk mempertimbangkan sama ada andaian usaha berterusan masih wajar.
22. Jika andaian usaha berterusan tidak lagi wajar, Piawaian ini menghendaki supaya sesebuah

MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

entiti menunjukkan perkara ini dalam penyata kewangannya. Impak perubahan tersebut bergantung pada keadaan tertentu sesebuah entiti, contohnya, sama ada operasi akan dipindahkan kepada entiti kerajaan yang lain, dijual, atau dicairkan. Pertimbangan perlu dibuat bagi menentukan sama ada nilai bawaan aset dan liabiliti perlu diubah.

23. Apabila andaian usaha berterusan tidak lagi wajar, adalah perlu untuk turut mempertimbangkan sama ada perubahan keadaan tersebut menyebabkan wujudnya liabiliti tambahan atau mencetuskan klausa dalam kontrak hutang yang membawa kepada pengelasan semula hutang tertentu sebagai liabiliti semasa.
24. MPSAS 1 menghendaki pendedahan tertentu jika:
 - (a) Penyata kewangan tidak disediakan atas asas usaha berterusan. MPSAS 1 menghendaki supaya apabila penyata kewangan tidak disediakan atas asas usaha berterusan, perkara ini mestilah didedahkan, berserta asas penyediaan penyata kewangan dan sebab entiti tidak dianggap sebagai usaha berterusan; atau
 - (b) Mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan menyedari tentang ketidakpastian material yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan. Peristiwa atau keadaan yang memerlukan pendedahan mungkin berlaku selepas tarikh pelaporan. MPSAS 1 menghendaki supaya ketidakpastian tersebut didedahkan.

Penyusunan Semula

25. Jika penyusunan semula yang diumumkan selepas tarikh pelaporan menepati takrif peristiwa tak perlu pelarasan, pendedahan yang sewajarnya perlu dibuat menurut Piawaian ini. Panduan tentang pengiktirafan peruntukan yang berkaitan dengan penyusunan semula boleh didapati dalam MPSAS 19. Penyusunan semula yang melibatkan pelupusan komponen sesebuah entiti tidak menyebabkan keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan dipersoalkan. Walau bagaimanapun, jika penyusunan semula yang diumumkan selepas tarikh pelaporan menyebabkan sesebuah entiti bukan lagi merupakan usaha berterusan, jenis dan amaun bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf mungkin berubah.

Pendedahan

Pendedahan Tarikh Kebenaran untuk Diterbitkan

26. **Sesebuah entiti hendaklah mendedahkan tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan dan siapa yang memberikan kebenaran tersebut. Jika badan lain mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
27. Penting bagi pengguna untuk mengetahui tarikh penyata kewangan dibenarkan untuk

diterbitkan kerana penyata kewangan ini tidak menunjukkan peristiwa selepas tarikh ini. Penting juga bagi pengguna untuk mengetahui keadaan yang jarang berlaku, iaitu mana-mana orang atau organisasi mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan. Contoh individu atau badan yang mungkin mempunyai kuasa untuk meminda penyata kewangan selepas diterbitkan ialah Menteri, kerajaan, Parlimen, atau badan perwakilan yang dipilih. Jika perubahan dibuat, penyata kewangan yang dipinda merupakan satu set penyata kewangan baharu.

Mengemas kini Pendedahan tentang Keadaan pada Tarikh Pelaporan

28. **Jika sesebuah entiti menerima maklumat selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, tentang keadaan yang wujud pada tarikh pelaporan, entiti hendaklah mengemas kini pendedahan yang berkaitan dengan keadaan ini berdasarkan maklumat baharu tersebut.**
29. Dalam sesetengah kes, sesebuah entiti perlu mengemas kini pendedahan dalam penyata kewangannya bagi menunjukkan maklumat yang diterima selepas tarikh pelaporan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk diterbitkan, walaupun maklumat tersebut tidak menjejaskan amaun yang diiktiraf oleh entiti dalam penyata kewangannya. Satu contoh keperluan untuk mengemas kini pendedahan adalah apabila bukti diperoleh selepas tarikh pelaporan tentang liabiliti kontingen yang wujud pada tarikh pelaporan. Selain mempertimbangkan sama ada ia kini perlu mengiktiraf sesuatu peruntukan, sesebuah entiti juga perlu mengemas kini pendedahannya tentang liabiliti kontingen tersebut berdasarkan bukti itu.

Pendedahan Peristiwa Tak Perlu Pelarasan Selepas Tarikh Pelaporan

30. **Jika peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan adalah material, tidak mendedahkannya boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berasaskan penyata kewangan. Oleh sebab itu, sesebuah entiti hendaklah mendedahkan perkara yang berikut bagi setiap kategori peristiwa tak perlu pelarasan material selepas tarikh pelaporan:**
 - (a) **Jenis peristiwa; dan**
 - (b) **Anggaran kesan kewangannya, atau satu pernyataan bahawa anggaran tersebut tidak dapat dibuat.**
31. Yang berikut ialah contoh peristiwa tak perlu pelarasan selepas tarikh pelaporan yang biasanya menyebabkan pendedahan:
 - (a) Penurunan yang luar biasa banyaknya dalam nilai hartanah yang dibawa pada nilai saksama, yang penurunan itu tidak berkaitan dengan keadaan hartanah pada tarikh pelaporan, tetapi disebabkan oleh keadaan yang wujud sejak tarikh pelaporan;

MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

- (b) Entiti memutuskan, selepas tarikh pelaporan, untuk menyediakan/mengagihkan manfaat tambahan yang besar pada masa hadapan depan kepada peserta dalam program khidmat komuniti yang dikendalikannya sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan manfaat tambahan tersebut memberikan impak yang besar terhadap entiti;
- (c) Pemerolehan atau pelupusan sesebuah entiti dikawal utama, atau khidmat luaran bagi semua atau sebahagian besar aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh sesebuah entiti selepas tarikh pelaporan;
- (d) Mengumumkan rancangan untuk menghentikan operasi atau program utama, melupuskan aset, atau menyelesaikan liabiliti yang berpunca daripada operasi atau program utama yang dihentikan, atau mengikat perjanjian untuk menjual aset tersebut atau menyelesaikan liabiliti tersebut (panduan tentang pengolahan dan pendedahan daripada operasi yang dihentikan boleh didapati dalam piawaian perakaunan antarabangsa atau negara yang berkaitan yang membincangkan tentang operasi yang dihentikan);
- (e) Pembelian dan pelupusan aset secara besar-besaran;
- (f) Kemusnahan bangunan utama akibat kebakaran selepas tarikh pelaporan;
- (g) Mengumumkan, atau mula melaksanakan, penyusunan semula secara besar-besaran (rujuk MPSAS 19);
- (h) Memperkenalkan undang-undang untuk menghapuskan pinjaman yang dibuat kepada entiti atau individu sebagai sebahagian daripada program;
- (i) Perubahan yang luar biasa besarnya dalam harga aset atau kadar pertukaran asing selepas tarikh pelaporan;
- (j) Dalam kes entiti yang boleh dikenakan cukai pendapatan atau cukai yang setara dengan cukai pendapatan, perubahan dalam kadar cukai atau undang-undang percukaian yang digubal atau diumumkan selepas tarikh pelaporan yang memberikan kesan yang signifikan terhadap cukai semasa dan cukai tertunda aset dan liabiliti (panduan perakaunan bagi cukai pendapatan boleh didapati dalam piawaian perakaunan antarabangsa atau negara yang berkaitan yang membincangkan tentang cukai pendapatan);
- (k) Terlibat dengan komitmen atau menanggung liabiliti kontingen yang signifikan, contohnya, dengan mengeluarkan jaminan yang signifikan selepas tarikh pelaporan; dan
- (l) Memulakan litigasi utama yang timbul semata-mata akibat peristiwa yang berlaku selepas tarikh pelaporan.

Tarikh Kuat Kuasa

32. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
- 32A. *Dimansuhkan.*
33. Apabila entiti menerima pakai asas perakaunan akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS bagi tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai untuk penyata kewangan tahunan entiti meliputi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai

Perbandingan dengan IPSAS 14

MPSAS 14 *Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan* disediakan terutamanya berasaskan IPSAS 14. Perbezaan utama antara MPSAS 14 dengan IPSAS 14 adalah seperti yang berikut:

- Dalam perenggan 4, MPSAS 14 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan yang diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 14 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.